

**Generasi Muda Disaran Contohi Semangat Patriotik Bekas Perajurit Negara
Bernama
26 April , 2012**

SEREMBAN, 26 April (Bernama) -- Generasi muda di negara ini disaran agar mencontohi semangat juang dan patriotik yang ditunjukkan oleh bekas perajurit negara dalam mempertahankan negara ini.

Undang Luak Rembau Datuk Muhamad Sharif Othman berkata ini kerana semangat patriotik didapati semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara ini pada masa ini seperti yang didakwa oleh banyak pihak.

"Hal ini berlaku kerana masing-masing sibuk dengan urusan sendiri yang menyebabkan mereka tidak menghiraukan perkara lain. Pada pendapat mereka, perkara yang penting dalam hidup ialah mereka perlu berusaha untuk mencari kekayaan dan hendak mencari wang untuk menambahkan pendapatan semata-mata.

"Oleh itu, mereka tidak menitikberatkan semangat patriotik. Jadi, saya berharap usaha diambil agar semangat patriotik dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan," katanya kepada pemberita selepas melawat bekas anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1RAMD) Prebet Ujang Mormin, 91, di rumahnya di Sikamat di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Negeri Sembilan Mej (B) Sazali Ismail dan Presiden Persatuan Bekas Warga 1RAMD Lt Kol (B) Ahmad Kushairi Zainuddin.

Muhamad Sharif berkata salah satu cara untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara ini ialah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik daripada bangku sekolah lagi.

"Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentulah semangat patriotik akan terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa. Tambahan pula, amalan ini penting kerana kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara dan tidak melakukan perkara yang akan memburukkan nama negara," katanya.

Ujang yang berasal dari Kampung Kundur Hilir, Rembau, pernah berjuang bersama Lt Adnan Saidi menentang tentera Jepun dibenteng pertahanan terakhir negara di Singapura pada 1942.

Pada majlis itu, Muhamad Sharif turut menyampaikan sumbangan peribadi RM500 kepada Ujang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661967>